

BAB KEDUA

*Kelahiran Ilmu Al-Ma'ānī
Dan Sejarah Perkembangan
Al-Faṣl Dan Al-Waṣl*

BAB KEDUA

KELAHIRAN ILMU AL-MA'ĀNĪ DAN SEJARAH PERKEMBANGAN AL-FAṢL DAN AL-WAṢL

2.0 Pendahuluan

Ilmu *al-Ma'ānī* adalah merupakan satu bahagian daripada tiga bahagian ilmu *Balāghah*. Pada kebiasaannya, ilmu *Ma'ānī* merupakan awal pembahasan ilmu *Balāghah* di dalam kebanyakan buku-buku penulisan *Balāghah*.

Ilmu ini adalah satu panduan yang kukuh yang perlu diikuti oleh seorang sasterawan bagi menyampaikan tujuan-tujuannya dalam berbagai-bagai bentuk percakapan yang bersesuaian dengan situasi dan pendengar-pendengar. Ia mengajar kita cara bagaimana menyusun ungkapan-ungkapan Arab supaya bertepatan dengan matlamat yang hendak disampaikan berpandukan kepada situasi-situasi tertentu.

2.1 Kelahiran Dan Perkembangan Ilmu Al-Ma'ānī

Adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan sebelum kita berbincang tentang *Al-Faṣl* dan *Al-Waṣl*, adalah lebih baik jika kita menyentuh serba sedikit tentang sejarah ilmu *al-ma'ānī* yang menjadi tajuk induk kepada tesis ini.

Ilmu *al-ma'ānī* adalah salah satu dari tiga skop tajuk penting ilmu *al-balāghah* selain dari *ilmu al-bayān* (البَيَانُ) dan *al-badī'* (البَدِيعُ).

Kajian terhadap retorik ini pada peringkat permulaannya merupakan kajian yang menyeluruh tanpa ada sebarang pembahagian seumpama ini. Buktinya ialah buku-buku karangan cendekiawan awal yang dapat dilihat. Semua mereka menulis tanpa sebarang pembahagian tertentu. Tajuk-tajuk di dalam buku-buku itu saling bercampur aduk.

Perkara ini berlanjutan sehinggalah muncul usaha-usaha menyusun retorik itu dalam bentuk yang tersusun. Ini berikutan dengan perkembangan pesat yang berlaku dalam sektor ketamadunan Islam secara amnya dan dalam keilmuan Islam khususnya. Semua ilmu ini sampai ke kemuncak kematangannya pada era ini. Tidak terkecuali ialah topik *al-balāghah* ataupun retorik yang turut menjadi perhatian para pengkaji bersesuaian dengan kedudukannya sebagai pintu utama ke arah mengkaji Al-Quran dan Al-Hadis yang penuh dengan unsur-unsur retorik.

Walau bagaimanapun perkembangan ilmu retorik ini pada hakikatnya masih berlaku secara tidak teratur selama beberapa ketika sehingga munculnya seorang tokoh ilmunan terbilang pada tahun 471H yang berjaya mewujudkan teori ilmu *al-ma'ānī* yang dikenali dengan nama *naẓariyyat al-naẓm* (نَظَرِيَّةُ النَّظْمِ). Beliau adalah Abdul Qāhir Al-Jurjānīy.

Malah bukan setakat itu sahaja, Al-Jurjānīy turut menyusun ilmu kedua dari retorik Arab itu yang dikenali dalam retorik Arab sebagai ilmu *al-bayān* (عِلْمُ الْبَيَانِ). Beliau telah menyusun kedua-dua cabang ilmu ini masing-masing di dalam dua kitabnya yang berasingan iaitu *Dalā'il al-l'jāz* (دَلَائِلُ الْإِعْجَازِ) dan *Asrār al-Balāghat* (أَسْرَارُ الْبَلَاغَةِ).

Dengan sebab ini, Al-Jurjānīy dianggap sebagai pengasas kepada dua cabang ilmu retorik Arab tersebut, malah boleh dikatakan hampir setiap topik yang dibincangkannya amat komprehensif (شَامِلٌ) merangkumi setiap hasil tulisan dan karangan golongan terdahulu yang ada. Justeru itu, benarlah apa yang dikatakan oleh para ilmuan bahawa beliau tidak memberi peluang untuk orang selepasnya melakukan sebarang penambahan terhadap kedua-duanya serupalah dengan ilmu yang berkaitan sya'ir Arab, ilmu *al-ārūd* (الْعُرُوضُ) yang dikatakan telah menjadi sempurna pada hari ia dicipta.

Malangnya usaha-usaha awal Al-Jurjānīy ini telah menyebabkan tiadanya sebarang pembaharuan pada generasi selepas itu. Usaha-usaha selepas itu hanya ditumpukan kepada penyusunan dalam bentuk sifir agar mudah dihafal oleh para pelajar dengan membelakangkan praktikalnya menerusi pembacaan dan kajian terhadap sajak-sajak, dan karya-karya silam yang kaya dengan unsur-unsur retorik itu sendiri. (Syauqī Daif : 1992, 271- 286)

Natijah dari penumpuan oleh para pengkaji yang lebih mengutamakan kaedah-kaedah am retorik yang lebih berbentuk teori dengan mengeneipkan nilai-nilai kesusasteraan telah mengakibatkan hilangnya rūḥ *balāghah* itu sendiri .

Keadaan menjadi lebih buruk apabila penulisan yang dihasilkan selepas itu lebih kepada memberikan penjelasan-penjelasan yang kurang perlu sehingga timbulnya pelbagai bentuk huraian yang dikenali sebagai *syarḥ* (شَرْح) yang selalunya lebih terikat kepada teks sumber . Ini dapat

dilihat dalam buku yang dihasilkan oleh ilmuan seperti Fakhr al-Rāzī melalui bukunya ; *Nihāyat al-Ijāz fī Dirāyat al-Ijāz* , Sirājuddīn Abū Yūsuf bin Muḥammad Al-Sakkākīy dalam bukunya ; *Miftāḥ al-Ulūm* dan lain-lain . (Abd. 'Azīz 'Atīq : t.t , 23- 34).

2.2 Peranan Ilmu Al-Ma'ānī Dalam Bahasa Arab

Setelah kita berbincang dengan sedikit terperinci tentang cabang-cabang penting yang membentuk retorik bahasa Arab yang terdiri dari tiga cabang ilmu tersebut , sekarang perlu dijelaskan tujuan dan peranan penguasaan terhadap ilmu *al-ma'ānī* itu .

Terdapat dua objektif am dan khas dalam mengkaji topik ini . Objektif

khass berkaitan rapat dengan Islam, iaitu sebagai satu usaha untuk mendalami *l'jāz al-Qurān* dan *Balāghat al-Ḥadīṣ*. Para ilmuwan Islam beranggapan bahawa pengkajian terhadap topik ini sangat penting ke arah memahami dua sumber agama yang penting itu. Ia turut dianggap sebagai *Khidmat al-'ilm* (خِدْمَةُ الْعِلْمِ) yang tiada tolak bandingnya.

Ini lah yang disebut oleh Al-Jurjānīy dalam *Dalā'il al-l'jāz* yang bermaksud : "Kehebatan Al-Quran yang terserlah pada sudut kehebatan perkataan dan maksud yang terkandung di dalamnya mengatasi apa yang terfikir oleh akal dan apa yang tergambar dalam fikiran. Ia bertalian dari sajak dan ucapan-ucapan yang dianggap sebagai terbaik pernah dihasilkan. Dari sinilah lahirnya keperluan untuk mengkaji keindahan bahasa Al-Quran". (Al-Jurjānīy : 1989 , 226).

Objektif am pula lebih berkaitan dengan bahan-bahan yang tidak berkaitan dengan agama. Ia lebih menjurus kepada sajak-sajak dan kata-kata yang mempunyai daya tarikan tersendiri disebabkan unsur-unsur kesusasteraan yang ada padanya. Pengkajian ini bersifat melengkapi kajian-kajian yang dilakukan untuk objektif-objektif berkaitan agama terdahulu. Contohnya, kata-kata pujangga Arab dijadikan hujjah bahawa sesuatu perkataan itu sebenarnya memang popular di kalangan masyarakat (كَثِيرَةُ الشُّيُوعِ). (Syauqī Daif : 1992 , 63)

Adalah menjadi suatu kekurangan kefahaman (قُصُورُ الْفَهْمِ) apabila

seseorang yang mendakwa ingin menguasai bahasa Arab , tiba-tiba objektif am penguasaan ini tidak dititikberatkan . Berkata Abū Hilāl Al-Āskaṛīy yang bermaksud : "Apabila tidak ada kefahaman yang mantap terhadap bahan-bahan sastera berbentuk sajak-sajak dan *nathar-nathar* (نَثْرٌ), maka perkara ini akan memberi kesan terhadap kemampuannya menggunakan bahasa secara ilmiah " .(Abū Hilāl : t.t , 23)

Daripada perbincangan am terhadap kedua objektif yang telah dijelaskan ini maka realiti ilmu *al-ma'ānī* ini berguna di dalam pertuturan agar dapat difahami oleh pendengar di samping makna-makna tersirat yang terkandung di dalam gaya bahasa yang digunakan itu . Bahasa yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan **kesediaan para pendengar** (الْمَوَاطِنُ) termasuk **tempat**nya sekali (اسْتِعْدَادُ السَّامِعِينَ) .

Demikian juga , antara asas ilmu *al-ma'ānī* itu sendiri , bahasa yang digunakan hendaklah mengikut kemampuan yang ada pada pendengar (حَظُّهُ مِنَ اللُّغَةِ وَالأَدَبِ) . Tidaklah tepat jika bahasa yang digunakan terhadap orang awam itu serupa dengan bahasa yang digunakan kepada para sasterawan .

Seterusnya salah satu dari skop perbincangan ilmu *al-ma'ānī* juga berkaitan dengan kaedah bagaimana meringkaskan maklumat dalam bentuk

yang paling pendek atau *al-ijāz* (الإيجاز) dan bila sewajarnya demikian serta bila pula patut dipanjang lebar atau *al-ittnāb* (الإطناب)? Ada keadaan ayat yang pendek telah cukup membawa maksud yang dikehendaki sedangkan pada satu keadaan yang lain hanya ayat yang panjang saja menjamin kesampaian maksud yang dikehendaki.

Di dalam kitab *Al-Ṣinā'atāin* (الصناعتين) karangan Abu Hilāl diriwayatkan bahawa Yahyā bin Khālid bin Barmak pernah menyuruh dua orang dari kalangan penulis terpilih untuk menulis sebuah buku di bawah satu tajuk. Apabila telah siap didapatinya seorang menulis secara ringkas dan seorang lagi menulis dengan panjang. Setelah membaca kedua-duanya Yahyā berkata kepada yang menulis secara ringkas itu: "Saya tidak nampak sebarang kekurangan pada buku anda" dan berkata pula kepada yang menulis dengan panjang lebar: "Saya tidak mendapati anda menulis terkeluar dari tajuk yang diminta. (Abū Hilāl: t.t, 190). Demikianlah satu bukti yang menunjukkan bahawa penguasaan ilmu *al-ma'ānī* penting untuk membolehkan seseorang pakar itu menghasilkan suatu tulisan yang bermutu.

Terakhir sekali ilmu *al-ma'ānī* ini penting agar dengannya dapat membantu memahami gaya-gaya bahasa atau *asālib al-bayān* (أساليب البيان)

yang ada di dalam bahasa Arab seperti *amar, nahī, istifhām, tamannī, nidā`* dan sebagainya . Di atas hanyalah sekadar contoh . Ini selain dari kefahaman yang jelas terhadap *al-qarā'in* (الْقَرَائِنُ) yang dapat dilihat menerusi ayat .

2.3 Sejarah Perkembangan *Al-Faṣl* Dan *Al-Waṣl*

Secara amnya , pengkajian di bawah tajuk ini adalah kombinasi pemikiran dua zaman yang boleh diistilahkan kepada era lama dan moden . Jadi ada baiknya jika pengkajian ini dilakukan secara berasingan di bawah dua tajuk kecil seperti di bawah . Penulis hanya akan memilih pendapat-pendapat yang masyhur dari kalangan cendekiawan dan ilmuan itu kerana tidak semuanya yang datang membawa sesuatu yang baru yang patut dibincangkan dengan panjang lebar . Penulis juga akan menyebut sepintas lalu sesuatu yang diperkatakan itu , khasnya apabila ianya telah pun disentuh oleh golongan yang terdahulu.

2.3.1 *Al-Faṣl* Dan *Al-Waṣl* Pada Era Awal (Zaman Silam)

Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa Abdul Qāhir Al-Jurjānīy merupakan tokoh Retorik Bahasa Arab dan penyusunnya dalam bentuk yang sistematik . Penguasaan yang luar biasa disertai dengan kefahaman yang mantap terhadap ilmu yang merupakan antara kunci utama untuk memahami *Kitāb Allah* telah membolehkan beliau menerangkan ilmu tersebut

dalam bentuk yang lebih tersusun . Ini dibuktikan dengan penghasilan sekurang-kurangnya dua buah buku yang berkait rapat dengan retorik Arab. Kedua-dua buah buku itu ialah; *Asrār Al-Balāghat* dan *Dalā'il Al-I'jāz* dengan kedua-duanya bercetak di pasaran . Beliau juga yang telah mengasaskan teori (نَظْرِيَّة) *ma'ānī* dan *bayān*, iaitu dua dari tiga bidang ilmu balāghah .

Ilmu *al-ma'ānī* yang diterangkannya di dalam *Dalā'il Al-I'jāz* itu dikenali dengan nama *nazariat al-Nazm* (نَظْرِيَّة النِّظْم).

Al-Jurjānīy di dalam kitab yang sama juga ada menyebut yang bermaksud : “ *Penguasaan Al-Faṣl dan Al-Waṣl yang membawa maksud menyambung dan memisahkan sesuatu ayat itu adalah satu perkara yang sangat penting. Teknik ini mesti dikuasai bagi memastikan kesampaian makna sesuatu ayat agar dapat difahami oleh pendengar seperti yang dimaksudkan oleh penyampai. Teknik ini dikuasai sepenuhnya oleh kaum Arab asli*”. (Al-Jurjānīy : 1989 , 222).

Al-Jurjānīy juga turut menyebut yang bermaksud : “*Ketahuilah , penggunaan huruf 'aṭaf (عَاطِفٌ) adalah untuk menjadikan bahagian yang terletak selepas huruf 'aṭaf itu sama dengan yang sebelumnya . Jika sesuatu perkataan itu ma' ṭūf pada sesuatu fā' il maka ia juga marfū' seperti yang sebelum huruf 'aṭaf itu . Demikian juga yang lain-lain*” . (Al-Jurjānīy : 1982 , 171)

Manakala tokoh yang datang selepas Al-Jurjānīy , Jār Allah Maḥmūd bin Umar Al-Zamaḥṣyārīy pula telah cuba membuat seakan- akan sebuah analisis terhadap teori- teori Al-Jurjānīy itu . Ini dapat diperhatikan dalam Tafsir *Al-Kassyaḥ* yang menjadi rujukan orang ramai di dalam retorik Arab. Kehebatan *Al-Kassyaḥ* dapat dilihat dengan keberkesanannya menghuraikan maksud yang tersirat di sebalik yang tersurat, termasuk perbahasan dari sudut balāghah yang berteraskan kepada teori ataupun *Nazariat al-Nazm* yang dipelopori oleh Al-Jurjānīy itu . (Syauqī Ḍaif : 1965, 219-223).

Walaupun *Al-Kassyaḥ* pada hakikatnya tidak lain hanyalah merupakan percubaan untuk mempraktikkan teori yang dibawa oleh Al-Jurjānīy , tetapi tidak dapat dinafikan bahawa terdapat beberapa penambahan penting yang dibuat oleh Al-Zamaḥṣyārīy . Justeru itu, tidaklah menghairankan apabila kita mendapati hampir keseluruhan para ulama dari kalangan *ahli sunnah wa al-jamāah* seperti Ibn Al-Munīr Al-Malikīy, Al-Suyūṭīy, Al-Subkīy dan lain-lain telah menjadikan *Al-Kassyaḥ* sebagai rujukan asas dalam pengkajian mereka terhadap ilmu balāghah walaupun mereka tidak sealiran fahaman dengan pengarangnya itu yang berfahaman *mu'tazilah*. Pergantungan golongan pengkaji tersebut kepada buku Al-Zamaḥṣyārīy ini menjadi bukti kuat keunggulan beliau dalam bidang retorik Arab silam. (Syauqī Ḍaif : 1965, 219).

Zaman selepas kedua orang tokoh ini telah menyaksikan lebih ramai ulama yang datang untuk meyemarakkan lagi dunia retorik Arab .Antara yang turut menyumbang ialah Al-Sakākīy menerusi karyanya '*Miftāḥ Al-Ulūm*' ,

Badruddin bin Mālik yang meringkaskan karya Al-Sakākīy .Kemudian datang pula Al-Qazwīnīy yang turut meringkaskan karya Al-Sakākīy. Ibn Al-Subkīy seorang ulama *fiqh* terkenal turut menyumbang kepada ilmu balāghah ini apabila beliau menulis 'syarḥ' kepada ringkasan-ringkasan yang dibuat oleh orang sebelumnya .Fenomena ini berterusan sehingga awal abad ke 20 ini apabila Muḥd 'Abduh mengkritik tindakan para ulama Universiti Al-Azhar yang hanya bertindak menyalin dan meringkaskan hasil-hasil tulisan orang terdahulu.Cadangan Muḥd 'Abduh akhirnya membuahkan yang baik . Ini terbukti dengan lahirnya banyak karya berkaitan dengan balāghah seperti '*Ta'liqāt Al-Talkhīṣ*' oleh Ab.Raḥmān Al-Barqūqīy , '*Qawā'id Al-Lughat Al-Arabiyyat*' oleh Ḥifnī Nāṣif, '*Jawāhir Al-Balāghat*' oleh Aḥmad Al-Hāsyimīy, '*Ulūm Al-balāghat*' oleh Aḥmad Muṣṭafā Al-Marāghīy, dan '*Al-Balāghat Al-Wāḍiḥat*' oleh 'Alī Al-Jārim (Faḍl Ḥasan Abbās : 1992, 74-77).

2.3.2 Al-Faṣl Dan Al-Waṣl Pada Era Kemudian (Zaman Moden)

Pada zaman moden ini, para ilmuan dan cerdik pandai telah meneruskan pengkajian yang dibuat oleh golongan yang terdahulu . Ini dapat dilihat dengan adanya buku-buku yang ditulis dan artikel-artikel di dalam majalah-majalah serta tafsir-tafsir Al-Quran seperti '*Ṣafwat Al-Tafāsīr*' karangan Muḥamad 'Alī Al-Ṣābūnīy yang telah mengkhususkan bahagian akhir sesuatu surah yang telah ditafsirkan itu dengan topik *Al-Balāghah* dan '*Al-Tafsīr Al-Munīr*' karangan Wahbat Al-Zuḥailīy yang juga ada membincangkan ilmu *balāghah* di dalamnya .

Antara penulis moden yang telah melakukan kajian intensif terhadap ilmu *Balāghah* ini khasnya dalam bidang *Al-Faṣl* dan *Al-Waṣl* ialah :

i. **Faḍl Hasan Abbās** . Beliau adalah seorang penulis yang produktif , terutamanya dalam bidang *balāghah* Arab yang berkait rapat dengan ilmu tafsir Al-Quran yang merupakan pengkhususannya . Ini dapat diperhatikan dalam banyak buku karangannya, sebagai contoh, '*Al-Balāghat Funūnuhā wa Afnānuhā*'. Buku ini menjelaskan peranan Al-Jurjānīy dalam ilmu *balāghah*, takrif *Al-Faṣl* dan *Al-Waṣl*, perkara-perkara dasar yang membantu kita untuk mendapat kefahaman yang jelas terhadap bab ini dan penggunaannya berdasarkan ayat-ayat Al-Quran dan kata-kata masyhur yang digunakan . Menurut beliau, dalam bahasa Arab apabila kita menyebut beberapa sifat selepas menyebut nama seseorang yang memiliki beberapa sifat seperti besar, berani dan kuat (كَبِيرٌ، شَجَاعٌ، قَوِيٌّ) maka kita tidak perlu menggunakan huruf 'aṭaf seperti *al-wāw* . 'Aṭaf pada hakikatnya digunakan apabila kita ingin menyertakan (التَّشْرِيكُ) sesuatu perkataan dengan perkataan yang lain kerana kesamaan dari sudut makna yang dibawa . Sebagai contohnya , ayat di bawah:

نَجَحَتْ فَاطِمَةُ وَسُعَادُ

Maksudnya : Fāṭimah dan Su'ād telah berjaya .

Ayat ini menunjukkan orang yang pertama tidak sama dengan yang kedua. Tetapi mereka berkongsi dari sudut kejayaan itu .

Seterusnya pengarang juga turut menjelaskan kaitan antara *jumal lahā maḥal min al-l'rāb* dan *jumal laisa lahā maḥal min al-l'rāb* serta kaitan keduanya dengan tajuk *Al-Faṣl* dan *Al-Waṣl* (Faḍl Ḥasan Abbās : 1992 , 392 - 401). Ringkasnya , ia adalah satu kajian yang sangat menarik serta boleh dianggap baru kerana teknik susunan dan contoh-contohnya yang agak sesuai dengan perkembangan ilmu retorik Arab hari ini .

ii. **Abdul Azīz Al-'Atīq** dalam bukunya , *Fi 'ilm Al-Balāghaḥ* juga adalah antara penulis moden yang membincangkan tajuk *Al-Faṣl* dan *Al-Waṣl* dan cuba menyusunnya dalam bentuk yang baru. Menurutnya *Al-Faṣl* diwajibkan dalam tiga keadaan, iaitu pertama, apabila ia berada dalam keadaan *ittiḥād tāḥ* (اِتِّحَادٌ تَامٌ) antara dua ayat dan ayat kedua adalah merupakan *tawkiḍ*

(تَوْكِيدٌ) atau *'aṭaf bayān* (عَطْفٌ بَيَانٍ) atau *badal* (بَدَلٌ) kepada yang

pertama. Kedua, apabila ada *tabāyun tāḥ* (تَبَايُنٌ تَامٌ) iaitu perbezaan yang

jelas antara dua ayat. Ketiga pula apabila ayat kedua menjadi jawapan

(جَوَابٌ) yang dapat difahami dari yang pertama .

Manakala *Al-Waṣl* pula perlu dalam dua situasi , iaitu pertama apabila kedua-dua ayat sama dari sudut *khabarī* dan *insya'ī*. Kedua , apabila ayat

yang pertama *khabañ* dan ayat yang kedua pula *insyā'ī* tetapi jika tidak dihubungkan dengan huruf 'aṭaf *al-wāw*, maka maksud yang dibawa akan berubah dari satu ayat yang bermaksud doa yang mengharapkan keselamatan (دُعَاءٌ لَهُ) kepada mendoa ditimpakan keburukan atau kecelakaan (دُعَاءٌ عَلَيْهِ).

Penghuraian yang dibuat itu sangat menarik dengan disertakan sekali contoh-contoh dari ayat Al-Quran dan rangkap-rangkap sajak Arab. Selain itu, pengarang turut menyentuh tentang keindahan atau *maḥāsīn* (مَحَاسِينُ) dan kecacatan atau 'uyūb (عُيُوبٌ) *Al-Waṣl* di dalam satu bahagian yang terletak di akhir bab. (Abd Āzīz Atīq : t.t , 154 - 168)

iii. Seterusnya buku yang agak baru dikarang pada zaman moden ini ialah *Fi al-Balāghat al-Quraniyyaṭ* tulisan Ṣabbāḥ 'Abīd Darāz. Menurut pakar bahasa dari Fakulti Bahasa Universiti Al-Azhar itu, setiap penggunaan Al-Quran terhadap huruf-huruf 'aṭaf seperti *al-wāw* (الْوَاوُ), *al-fā'* (الْفَاءُ), *Thumma* (ثُمَّ), *ḥattā* (حَتَّى), *walākin* (وَلَكِنْ), *lā* (لَا), dan *bal* (بَلْ)

mengandungi rahsia yang tersendiri yang hanya dapat diketahui melalui penelitian dan penguasaan yang tinggi dalam bahasa Arab .

Selain itu, pengarang juga turut mengemukakan dalil-dalil yang pernah dibawa oleh ulama silam seperti Al-Zarkasyīy dalam karangannya berjudul *Al-Burhān Fī Ulūm Al-Quran* , Al-Khattābīy dalam *I'jāz Al-Quran* dan Ibn Al-Athīr dalam *Al-Mathal Al-Sā'ir* untuk menolak pendapat-pendapat ganjil seperti yang didakwa oleh Abū 'Alā' Muḥammad bin Ghanīm bahawa Al-Quran gagal atau tidak menggunakan teknik yang baik pada sudut penyudahan (حُسْنُ التَّخْلُصِ). Seterusnya, antara yang menjadi topik

perbincangan ialah apa yang dipanggil sebagai *al-iqtidāb* (الإِقْتِضَابُ) yang

disebut oleh Muḥammad Al-'Alawīy ketika membuat perbandingan antara kemampuan berbahasa yang dimiliki oleh manusia atau *Al-Balāghat Al-Basyariyyat* (الْبَلَاغَةُ الْبَشَرِيَّةُ) dengan *Al-Balāghat Al-Qurāniyyat*

(الْبَلَاغَةُ الْقُرْآنِيَّةُ) iaitulah kehebatan bahasa yang digunakan oleh Allah dalam

al-Quran.

Jika dalam sajak- sajak Arab , penyair kadangkala berpindah dari satu rangkap kepada rangkap yang lain secara tiba-tiba tanpa ada sebarang sebab dan ini mungkin disebabkan kegagalannya membuat kaedah

sambungan yang baik kerana disebabkan oleh perkara-perkara seperti gangguan jiwa , tekanan perasaan , rasa bengang dan sebagainya (الإضطرابُ وَالخَلَلُ وَالْفُتُورُ), tetapi ini mustahil berlaku dalam Al-Quran yang merupakan mukjizat yang terpelihara dari semua aspek itu . Teknik penyambungan atau *Al-Waṣf* dalam Al-Quran semestinya tidak sama dengan yang terdapat dalam sajak-sajak hasil karya dan ilham manusia yang serba kekurangan dan kerap kali tidak mempunyai jiwa yang tetap . Demikianlah perbincangan secara mendalam dan terperinci berkaitan *Al-Waṣf* dan *Al-Faṣl* itu oleh pengarang . (Ṣabbāḥ Ḍarāz :1986 , 10 - 16)

Demikianlah secara sepintas lalu beberapa buah buku yang berkaitan kajian ini , lama dan moden yang menjadi rujukan dan panduan oleh penulis . Pendapat-pendapat para ilmuan ini amat penting sebagai perbandingan sebelum memperolehi satu natijah akhir yang dapat dibina di atasnya satu kesimpulan yang jelas dan konkrit terhadap teknik pemisahan (الفَصْلُ) dan penyambungan (الوَصْلُ) ini yang merupakan satu kajian dari ilmu *al-ma'ānī* yang agak penting dan perlu untuk memahami bahasa Arab itu sendiri .